

28 OCT 2001

Abdullah-Politik

UMAT ISLAM PERLU BERPOLITIK MENGIKUT LANDASAN AGAMA

LANGKAWI, 28 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi malam ini mengajak umat Islam supaya berpolitik mengikut landasan agama dan bukan yang membawa kepada perpecahan dan persengketaan.

"Perbezaan pandangan dibolehkan dalam Islam kerana ia merupakan satu rahmat dan bukan yang membawa kepada keadaan kacau bilau. Jika itu berlaku ia adalah salah kita sendiri dan ini tidak membawa sebarang rahmat," katanya pada perasmian tilawah Al-Quran anjuran Pergerakan Wanita Umno Malaysia di sini.

Abdullah berkata umat Islam tidak seharusnya mengamalkan cara politik yang melampau sehingga wujud perpecahan menyebabkan berlakunya kejadian seperti dua imam di kalangan masyarakat setempat.

Beliau kesal dengan tindakan golongan tertentu yang mengaku mengamalkan ajaran Islam dalam berpolitik, tetapi segala tindak tanduk mereka tidak mencerminkan tata susila agama.

"Apa yang penting kita mesti mengawal tindak tanduk kita dan bukan membiarkan perasaan menguasai fikiran sehingga bertindak di luar batas agama dan adab sopan masyarakat Timur," katanya.

Beliau sedih kerana ada segolongan umat Islam yang bertindak melampau sehingga berupa tindakan militan untuk menarik sokongan rakyat bagi menimbulkan huru hara di dalam negara.

Sehubungan itu, beliau meminta umat Islam supaya tidak terpengaruh dengan tindakan seperti itu kerana kerajaan sentiasa berusaha membawa kemajuan dalam pelbagai aspek untuk rakyat keseluruhannya.

"Jangan pilih orang yang suka membawa kerosakan dan bertindak di luar batasan sehingga menimbulkan suasana tidak aman di dalam negara," katanya.

Abdullah berkata adalah tanggungjawab kerajaan untuk bertindak segera membendung keadaan itu bagi memelihara kestabilan negara tetapi malangnya tindakan itu tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu.

"Golongan ini sebenarnya tidak faham dengan dasar yang kerajaan laksanakan. Sebenarnya usaha kerajaan jelas mengikut ajaran agama dan ia diakui banyak negara Islam yang lain," katanya.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tidak teragak-agak membuat kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam dan hakikat itu perlu diakui oleh semua," katanya.

Abdullah juga berkata kerajaan telah berusaha membawa pelbagai bentuk kemajuan dan kesejahteraan kepada rakyat negara sehingga dapat membantu umat Islam di negara lain yang tertindas.

Beliau juga meminta rakyat, terutama umat Islam supaya bersyukur dengan nikmat kemajuan yang diperolehi dan berusaha mendapatkan pendidikan dan pengetahuan agama yang cukup.

"Saya sedih melihat gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat umat Islam yang berlawanan dengan ajaran seperti kejadian sumbang muhrim, penagihan dadah dan keganasan dalam rumah tangga," katanya.

"Mengapa boleh jadi begini. Ia bukan salah ibu mengandung. Ini menunjukkan setiap umat Islam mempunyai tanggungjawab untuk mendapat pendidikan agama yang sempurna dan baik", katanya.

Abdullah kemudian menyampaikan hadiah kepada Sabiroh Zain dari Pahang yang muncul johan qariah dengan memenangi hadiah wang tunai RM2,000 dan tiket penerbangan mengerjakan umrah untuk seorang manakala Hatun Abu Hassan dari Kedah muncul naib johan dengan tempat ketiga disandang oleh Hatijah Mursuki dari Sabah.

Hatun dan Hatijah masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan RM700 setiap seorang dengan tiket penerbangan ke Kuching dan Langkawi.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Ketua Wanita Umno Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

NH ZB